

Headline	Jangan lupa bawa topeng muka		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	25 Sep 2013	Circulation	324,097
Section	Setempat	Readership	1,981,000
Page No	19	ArticleSize	111 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 4,100
Journalist	N/A	PR Value	RM 12,299
Frequency	Daily		



# Jangan lupa bawa topeng muka

**Jemaah** haji Malaysia dinasihatkan supaya membawa bekalan topeng muka (face mask) untuk digunakan sebagai sebagai langkah kesihatan berikutan kawasan sekitar Masjidil Haram berhabuk disebabkan kerja pembinaan pembesaran masjid berkenaan yang giat dijalankan.

Pengarah Operasi Media Tabung Haji (TH) Anis Zuhani Ahmad berkata, keadaan cuaca panas terik dan kenderaan yang banyak menyumbang kepada persekitaran berhabuk.

"Sekitar kawasan dari hotel ke masjid adalah berhabuk dan kita nasihatkan jemaah yang masih berada di Malaysia supaya membawa bekalan topeng mulut apabila berada di sini," katanya di sini, semalam.

Jutaan umat Islam dari seluruh dunia kini berada di Makkah sebagai persiapan menuaikan



**ANIS** Zuhani

haji dan semua jemaah haji Malaysia akan berada di Tanah Suci Masjidil Haram pada 11 Oktober depan. iaitu 3 hari sebelum hari Wukuf di Arafah.

Kini, sejumlah 13,833 jemaah haji Malaysia kini sudah berada di Makkah dan Madinah bagi menunaikan ibadat haji yang bakal bermula bulan depan.